

6.10.2025
Siaran Media

DATO' IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAPP dan PBA Holdings Bhd.

SUMBANGAN RM4 JUTA UNTUK MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR BEKALAN AIR DI PANGSAPURI KOS RENDAH DI PULAU PINANG

- **PBAPP telah menyerahkan cek bernilai RM4 juta bagi program PRIHATIN bagi menyokong inisiatif untuk menaik taraf sistem retikulasi air dalaman di kawasan pangsapuri kos rendah.**
- **Program PRIHATIN akan dilaksanakan oleh Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP).**

PULAU PINANG, Isnin, 6.10.2025: PBAPP telah menyerahkan cek bernilai RM4 juta untuk Program Intervensi Penyelenggaraan Infrastruktur (PRIHATIN) sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR), bagi menyokong inisiatif meningkatkan bekalan air kepada penduduk pangsapuri kos rendah.

Dato' Ir. Pathmanathan K. (Ketua Pegawai Eksekutif PBAHB & PBAPP) telah menyerahkan cek tersebut kepada Pn. Nadzifah bt. Abdul Rahim, Ketua Pegawai Penguatkuasaan dan Undang-Undang LPNPP, hari ini. Majlis penyerahan cek turut disaksikan oleh YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang, di Komtar.

Sumbangan CSR PBAPP sebanyak RM4 juta ini merangkumi RM2 juta bagi tahun 2024 dan RM2 juta bagi tahun 2025. Dana ini akan disalurkan kepada projek-projek di bawah program PRIHATIN.

Program PRIHATIN merupakan inisiatif bersama yang melibatkan Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan PBAPP.

Skop kerja di bawah program PRIHATIN merangkumi pelbagai kerja penyelenggaraan infrastruktur air, termasuk pembaikan dan penggantian tangki serta paip sedia ada. Kerja-kerja pembinaan baharu juga mungkin dilaksanakan, seperti pemasangan tangki sedutan atau pembinaan rumah pam, tertakluk kepada hasil pemeriksaan teknikal dan kelulusan rasmi pihak berkuasa tempatan.

Kriteria pemilihan projek dan proses permohonan bagi program PRIHATIN telah diumumkan dalam sidang media oleh EXCO Infrastruktur, Pengangkutan dan Digital Negeri Pulau Pinang, YB Tuan Zairil Khir Johari, pada 4 September 2025.

300 projek perumahan dikenal pasti tanpa tangki sedutan dan sistem pam air

Kira-kira 300 projek perumahan kos rendah di Pulau Pinang (terutamanya rumah pangsa 5 tingkat) telah dibina tanpa tangki sedutan dan sistem pam air. Tangki atas bumbung terletak 20m atau lebih tinggi dari paras tanah.

Kebanyakan projek ini telah disiapkan lebih 15 tahun yang lalu. Pada masa itu, penggunaan air Pulau Pinang adalah di bawah 800 juta liter sehari (JLH). Apabila diperlukan, PBAPP dapat mengepam air pada tekanan tinggi untuk mencapai dan mengisi semula tangki atas bumbung projek perumahan kos rendah ini.

Pada 2024, penggunaan air Pulau Pinang mencecah 870 JLH.

Bagaimanapun untuk program PRIHATIN, lebih 20 skim perumahan kos rendah bakal menerima manfaat. Menerusi fasa 1, lima (5) skim perumahan telah diluluskan dan akan disusuli dengan lawatan tapak oleh pihak PBT.

Dalam senario permintaan air yang tinggi hari ini, PBAPP sedang berusaha untuk menyalurkan air terawat pada tekanan minimum 10mH (*meter head*) di semua kedudukan meter utama aras bawah di Pulau Pinang untuk mematuhi KPI yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

Paras tekanan 10mH ini adalah lebih rendah daripada ketinggian tangki air bumbung pangsapuri lima tingkat (20 meter atau lebih). Oleh itu, air terawat yang dibekalkan PBAPP pada masa ini mungkin tidak dapat terus sampai ke tangki.

Atas sebab inilah semua projek kediaman dan komersial bertingkat tinggi diwajibkan untuk dilengkapi dengan tangki sedutan dan sistem pam yang mencukupi bagi mengepam air dari paras tanah ke tangki air di bumbung.

Sementara itu, beberapa tangki air atas bumbung di kawasan pangsapuri kos rendah didapati mengalami kebocoran atau tidak berfungsi dengan baik. Ini menyebabkan tangki bumbung tidak dapat diisi sepenuhnya pada waktu malam apabila permintaan air lebih rendah.

Sebahagian projek perumahan kos rendah juga terletak di kawasan tanah tinggi atau di hujung paip agihan (EoL) lokasi paip di mana tekanan air adalah paling rendah.

Akibatnya, penduduk pangsapuri kos rendah berisiko mengalami gangguan bekalan air secara berselang-seli apabila permintaan air tinggi dan tekanan air rendah, serta mengambil masa yang lebih lama untuk pulih.

Membantu golongan yang memerlukan

YAB Tuan Chow Kon Yeow berkata, Lembaga Pengarah PBAPP telah meluluskan cadangan CSR bernilai RM2 juta yang dikemukakan oleh pihak pengurusan pada 16

April 2024, yang utama sekali atas dasar untuk membantu golongan yang memerlukan. Lembaga turut meluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM2 juta bagi tahun 2025 pada 24 Februari 2025. Bantuan seperti ini dijangka akan diteruskan pada tahun-tahun akan datang, tertakluk kepada keperluan dan penilaian semasa.

Beliau berkata, majoriti penduduk pangsapuri kos rendah terdiri daripada kumpulan berpendapatan B40 dan kebanyakan projek pangsapuri kos rendah di Pulau Pinang tidak mempunyai badan pengurusan untuk mengurus serta menyelenggara kemudahan bangunan dengan efisien.

“Ketika PBAPP sedang menangani cabaran besar dalam menaik taraf infrastruktur bekalan air Pulau Pinang bagi memenuhi permintaan air yang semakin meningkat, adalah penting juga untuk menyokong inisiatif Lembaga Perumahan Negeri dalam menaik taraf sistem retikulasi dalaman air di kawasan pangsapuri kos rendah,” katanya.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Seksyen Komunikasi Korporat
Email : comms@pba.com.my